

Article Info:

Published Date: 10 October 2023

*Corresponding Author: wannu829@uitm.edu.my

ADAPTASI METAFORA DALAM MENYAMPAIKAN MAKNA MELALUI KAJIAN VISUAL BAGI KARYA SENI KONTEMPORARI TERPILIH OLEH JALAINI ABU HASSAN SIRI PAMERAN ‘RE- FOUND OBJECT’ DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA

***Adaptation of Metaphor in Conveying Meaning Through Visual Study of Contemporary
Artwork Selected by Jalaini Abu Hassan’s ‘Re-Found Object’ Exhibition Series in A
Sociocultural Context***

Wan Nurhasyimah W. Mohd Apandi*, Hairulnisak Merman, Syed Alwi Syed Abu Bakar,
Rosmidahanim Razali

Program Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan
Perak Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia

To cite this article (APA): W. Mohd Apandi, W. N., Merman, H., Syed Abu Bakar, S. A., & Razali, R. (2023). Adaptasi Metafora dalam menyampaikan makna melalui Kajian Visual bagi Karya Seni Kontemporari terpilih oleh Jalaini Abu Hassan Siri Pameran ‘Re-Found Object’ dalam Konteks Sosiobudaya. *KUPAS SENI*, 8–21. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.2.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.2.2023>

ABSTRAK

Objektif utama kajian penyelidikan ini adalah untuk mengkaji serta menganalisis karya terpilih Jalaini Abu Hassan dalam siri pameran “Re-Found Object” untuk membuat interpretasi makna daripada adaptasi penggunaan subjek metafora bagi konteks sosiobudaya melalui karya yang dihasilkan. Metafora dalam karya seni kontemporari merupakan satu kaedah komunikasi bahasa kiasan sebagai perlambangan bagi pengkarya seni dalam menyampaikan makna. Makna yang hendak disampaikan menjadi lebih dinamik dan komprehensif oleh pengkarya seni dengan melibatkan konteks kajian seni dan menggunakan metafora sebagai perlambangan pada karya. Penyelidikan kajian seni ini memberi fokus terhadap pemilihan dan penggunaan metafora oleh Jalaini Abu Hassan dalam setiap karya visual yang memperlihatkan keupayaan kreatif menyampaikan makna untuk menjelaskan perhubungan sesuatu ideologi pemikiran terhadap keberkesanan konteks sosiobudaya dalam bentuk yang lebih jelas. Penulisan ini memberi tumpuan terhadap kaedah kajian kualitatif dengan mengumpul data maklumat terhadap kajian visual karya seni kontemporari yang dipilih dalam siri pameran “Re-Found Object” oleh Jalaini Abu Hassan. Pendekatan kajian kualitatif ini menekankan penjelasan yang besifat deskriptif secara terperinci dengan menghubungkan pelbagai sumber seperti kajian literatur dan dokumentasi sehingga kepada peringkat analisis dalam membuat interpretasi makna bagi adaptasi visual subjek metafora dalam konteks sosiobudaya. Dapatkan kajian penulisan ini akan memberi tumpuan terhadap visual subjek metafora dalam karya seni yang dipilih melalui kajian konteks untuk membuat analisis dan interpretasi makna dengan lebih jelas. Penggunaan subjek metafora sebagai lambang naratif penceritaan dalam menyampaikan makna sesuatu pemikiran ideologi yang melibatkan konteks sosiobudaya dapat dilihat dan dianalisis dengan lebih jelas. Kecenderungan pemilihan subjek metafora pada karya Jalaini Abu Hassan dapat difahami dengan jelas apabila dikaitkan dengan naratif konteks sosiobudaya yang hendak dipamerkan disebabkan oleh ciri perlambangan metafora yang memberi justifikasi secara terperinci terhadap peranan subjek tersebut dalam menyampaikan makna.

Kata kunci: Metafora, Makna, Seni Kontemporari, Konteks Sosiobudaya

ABSTRACT

The main objective of this research study is to examine and interpret selected artworks by Jalaini Abu Hassan from his "Re-Found Object" exhibition and to interpret the meaning from adaptation of metaphor subjects in the context of sociocultural through his selected artworks. Contemporary artists use metaphor as an instrument of symbolic communication to convey meaning through symbols in their artworks. Through applying the context of art studies and using metaphors as symbols in the work, artists are able to convey meaning that is more dynamic and comprehensive. This art research study focuses on the use and application of metaphors by Jalaini Abu Hassan in each visual work that demonstrates the creative ability to express meaning in order to clarify the relationship of an ideology of thought to the efficacy of the sociocultural setting. This paper focuses on qualitative research techniques by compiling data on the visual analysis of contemporary artworks by Jalaini Abu Hassan's "Re-Found Object" exhibition. This qualitative research methodology focuses an emphasis on comprehensive descriptive explanations through integrating a variety of sources, including literature studies and documentation, up to the analysis stage in order to provide meaning interpretations for the visual adaptation of metaphorical issues in a social and cultural context. The results of this writing study will be focused on the visual topic of metaphors in artistic works that have been chosen through context studies to facilitate analysis and interpretation of the meaning. It is easier to understand and conduct an analysis of the usage of a metaphorical topic as a symbol of a narrative in expressing the meaning of an ideological concept that involves the sociocultural context. Jalaini Abu Hassan's usage of metaphor and symbols can be understood clearly and be linked to the narrative of sociocultural context through his artworks in conveying meaning.

Keywords: Metaphor, Meaning, Contemporary Art, Sociocultural Context

PENGENALAN

Karya seni kontemporeri merupakan satu cerminan gambaran refleksi yang boleh menimbulkan satu reaksi tertentu daripada kehidupan masyarakat melalui perubahan bentuk dalam suatu peristiwa dengan melibatkan interaksi antara persekitaran sosial, teknologi dan kebudayaan (Ismail & Juslin, 2019). Dengan itu, Stallabrass (2020) menyatakan karya visual seni kontemporeri yang dihasilkan turut dipengaruhi pelbagai peristiwa, pengalaman dan isu semasa yang berlaku persekitaran hidup pengkarya seni dan masyarakat mengikut peredaran masa. Disamping itu juga, seni kontemporeri wujud dengan lebih intelektual dan mempunyai kebebasan tersendiri dalam pemikiran ideologi dari segi penyampaian karya visual (Stallabrass, 2020). Pernyataan ini disokong dengan pernyataan yang mengatakan seni kontemporeri adalah penghasilan karya yang wujud dalam waktu peralihan zaman paradigma (Omar & Sedon, 2019) dan peristiwa semasa yang berlaku dengan menitikberatkan pemilihan subjek sebagai tanda, simbol, metafora dalam menggambarkan penggunaan konteks dan konsep seni untuk proses pembuatan visual kreatif (Barret, 2017). Hal ini jelas dengan pernyataan dari Esanu (2012) yang menyatakan istilah seni kontemporeri bergantung kepada penggunaan konteks dan konsep dalam proses pembuatan karya yang mempunyai pelbagai maksud. Menurut Esanu (2012) lagi seni kontemporeri ini merujuk kepada beberapa jenis pembuatan karya seni yang melibatkan nilai daya estetik dengan sentuhan konteks seni bagi peristiwa yang melibatkan sejarah, sosial, masyarakat dan budaya dalam menyampaikan makna.

Dalam hal ini jelas mengatakan seni kontemporeri merupakan satu saluran alternatif yang disampaikan oleh pengkarya bagi menyampaikan emosi, pemikiran, isu, peristiwa dan konteks dalam menyampaikan naratif makna dalam sebuah karya (Ismail & Juslin, 2020). Disamping itu juga Siska (2020) dan Tolstoy (1996) ada menyatakan hasil pembuatan karya seni visual dapat memberi kepuasan tersendiri terhadap pengkarya seni dengan mempengaruhi penghayat seni dari segi penggunaan subjek, idea, konteks dan makna. Walaubagaimanapun, karya seni visual dihasilkan oleh pengkarya seni ini bertujuan untuk menyampaikan suatu naratif penceritaan seperti penggunaan metafora sebagai perlambangan bagi subjek yang dipilih dalam menyampaikan makna (W. Mohd Apandi & Yan Ibrahim, 2018). Perkara ini jelas dengan pernyataan yang dimaksudkan oleh Liliweri (2021) penghasilan karya seni ini membawa tujuan sebagai memberi rangsangan atau pengaruh terhadap penglihatan mata, fikiran dan juga jiwa manusia dalam menghayati makna visual subjek yang dipilih.

Antara subjek yang dipilih oleh pengkarya seni dalam penghasilan karya visual adalah seperti penggunaan metafora dalam konteks seni untuk menyampaikan makna yang tersirat oleh pemikiran pengkarya seni sebagai perlambangan (W. Mohd Apandi, Taharuddin, & Ramli, 2022). Merujuk Dewan


Bahasa Dan Pustaka (2021) menjelaskan bahawa istilah metafora adalah bermaksud pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa ataupun makna yang sebenar sebagai perbandingan, kiasan atau perlambangan. Dengan itu, jelas membuktikan penggunaan subjek metafora dapat membantu pengkarya dalam memberi satu perlambangan kepada satu naratif penceritaan suatu perkara dengan menggunakan subjek visual yang sesuai dengan konteks atau tema yang hendak disampaikan dengan lebih kreatif (W. Mohd Apandi & Yan Ibrahim, 2018). Istilah metafora ini adalah berasal dari perkataan Yunani yang memberi maksud memindahkan sesuatu perkara seperti penceritaan dengan menggunakan sesuatu perkara seperti benda atau objek sebagai subjek alat gantian bagi menyampaikan makna yang ingin disampaikan dalam komunikasi atau karya seni visual (Davidson, 1978). Menurut Shakespeare (2000) ada menjelaskan bahawa pendekatan metafora dalam pemilihan subjek merupakan satu kaedah bagi sebuah karya visual untuk menggambarkan maksud bersesuaian dengan perlambangan yang digunakan. Manakala mengikut Abdul Hamid (1995) menerangkan metafora itu adalah suatu bahasa kiasan sebagai perlambangan untuk menyampaikan maksud karya seni. Dengan itu, metafora dapat dijadikan sebagai bahasa komunikasi atau bahasa perantaraan kepada audiens yang digunakan sebagai perlambangan dengan kaedah bahasa kiasan atau bahasa yang lebih halus dengan menerapkan unsur nasihat, sindiran dan teguran dalam pemilihan subjek metafora dalam dalam karya seni (Abdul Hamid, 1995). Oleh itu penggunaan subjek metafora oleh pengkarya seni kontemporari perlu peka terhadap pemilihan subjek visual bagi memberi impak besar terhadap penghayat seni dan pengkritik seni. Hal ini kerana makna yang hendak disampaikan oleh artis dapat dibahaskan serta dibincangkan dengan lebih mendalam samaada visual subjek metafora itu selaras dengan makna, ideologi pemikiran, tema, isu dan konteks yang ingin disampaikan (W. Mohd Apandi, Taharuddin, & Ramli, 2022).

Objektif kajian penyelidikan ini adalah untuk mengkaji, menganalisis dan menilai tafsiran untuk membuat interpretasi makna karya terpilih visual siri pameran “Re-Found Object” oleh Jalaini Abu Hassan. Adaptasi penggunaan subjek metafora yang menjadi teras kajian dalam konteks sosiobudaya melalui penghasilan karya dikaji dengan terperinci. Kajian penyelidikan ini bertujuan untuk mendekati hubungan adaptasi penggunaan subjek metafora dengan aspek struktur konteks sosiobudaya dan fungsi metafora oleh pengkarya seni dalam menyampaikan makna daripada beberapa karya yang dihasilkan dalam pameran seni kontemporari di Malaysia.

Kajian penyelidikan ini dilakukan kerana terdapat pernyataan masalah dalam membuat analisis dan interpretasi makna untuk mengkaji serta memahami penggunaan dari segi pemilihan subjek visual metafora dalam karya seni bagi menyampaikan makna dalam konteks sosiobudaya seni kontemporari (W. Mohd Apandi, Taharuddin, & Ramli, 2022). Merujuk kepada pernyataan masalah kajian yang dinyatakan diatas terdapat tinjauan kajian literatur yang menyokong pernyataan masalah kajian penyelidikan ini. Antaranya ialah Ismail & Juslin (2020) menyatakan kebanyakannya kajian penulisan penyelidikan dan perbincangan mengenai karya seni visual kini yang menyentuh konteks sosial, budaya dan masyarakat oleh pengkarya seni adalah terhad dan terbatas bilangannya. Pernyataan ini disokong juga oleh Abdullah (2023) dengan menyatakan penulisan penyelidikan mengenai karya seni visual kontemporari dan artis seni kontemporari Malaysia agak terhad bilangannya bagi ruang perbincangan dengan lebih meluas. Disamping itu juga, kajian penulisan mengenai permasalahan tema, bentuk, simbol, tanda, metafora dalam membincangkan konteks sosial masyarakat, budaya, teknologi, politik dan lain – lain merujuk naratif persekitaran untuk menyampaikan makna karya visual agak terbatas (Ismail & Juslin, 2020). Justeru itu, Abd Aziz & Bujang (2016) juga mengatakan bahawa hubungan karya visual dan konteks sosiobudaya oleh pengkarya perlu diketengahkan dalam penyelidikan penulisan kerana kewujudan karya seni seperti ini mempunyai pelbagai sentuhan melibatkan hubungan masyarakat dengan peristiwa atau fenomena yang berlaku perlu diketahui dengan lebih mendalam. Perkara ini ditambah lagi dengan kenyataan Abdullah (2013) iaitu tumpuan kajian seni visual kini yang terhad terhadap situasi konteks sosiobudaya yang diterapkan dalam karya oleh pengkarya seni sejak tahun 1990-an. Dengan itu, kajian penulisan penyelidikan yang diketengahkan oleh pengkaji ini adalah langkah yang relevan mengenai pernyataan masalah yang dihadapi dalam penulisan seni visual.


METODOLOGI

Kaedah metodologi dalam memahami, menganalisis dan menginterpretasi makna karya seni ini menggunakan kajian kualitatif (Patton, 2015). Dalam penulisan kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan penyelidikan secara sistemik dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Selaras dengan pernyataan daripada Creswell & Poth (2018) menjelaskan bahawa kajian kualitatif ini berpotensi dalam memahami dan menganalisis interpretasi makna tanda simbolik yang terhasil dalam karya seni visual seperti penggunaan metafora yang terhasil daripada kegiatan individu dengan menyentuh konteks sosial, kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya. Kajian kualitatif ini juga menekankan kepada sistem penyampaian berbentuk teks untuk memahami dan menjelaskan makna hasil produk ciptaan manusia. Pendekatan kajian kualitatif yang juga menekankan sistem penjelasan penyelidikan bersifat deskriptif yang terperinci secara langsung menghubungkan dengan kajian pandangan interpretasi makna bagi adaptasi metafora dalam karya visual melalui konteks sosiobudaya. Merujuk Mohamed Berawi (2022) menyatakan penyelidikan deskriptif merupakan kajian dengan lebih mendalam untuk melaporkan bagi mendapatkan punca sebab dan jawapan terhadap suatu fenomena yang berlaku. Pengkaji memilih kaedah penyelidikan yang melibatkan deskriptif, dokumentasi pengumpulan data, tinjauan kajian literatur, dapatan kajian, analisis data dan interpretasi (Creswell & Poth, 2018). Kajian kualitatif ini akan digunakan untuk membincangkan masalah kajian interpretasi makna bagi subjek metafora dan konteks seni oleh pengkarya seni dalam menghasilkan visual karya seni kontemporari. Kaedah dokumentasi pengumpulan data ini terdiri daripada kajian literatur yang membantu dalam tajuk kajian penyelidikan. Kaedah dokumentasi yang dipilih diperoleh daripada sumber data seperti jurnal, tesis, artikel, buku, keratan akhbar, majalah, katalog dan laman sesawang (Patton, 2015). Setiap data ini diambil dalam bentuk rujukan bagi kajian penulisan, visual karya dan penerangan bagi dapatan kajian. Analisis dibuat secara terperinci bagi setiap data kajian yang diperolehi supaya pengkaji dapat membuat interpretasi seni dengan lebih terperinci bagi subjek metafora melibatkan konteks seni sosiobudaya yang terdapat dalam karya visual kajian dalam menyampaikan naratif makna. Setelah itu, kesimpulan data kajian adalah berdasarkan hasil analisis data kajian dalam melakukan proses interpretasi yang dibuat dengan terperinci. Merujuk rajah 1 berikut adalah kerangka proses kaedah penyelidikan kajian kualitatif yang digunakan dalam penulisan.



Rajah 1. Proses kaedah penyelidikan kajian kualitatif

Kajian penyelidikan dan analisis karya seni visual terpilih dalam siri pameran “Re-Found Object” oleh Jalaini Abu Hassan dalam membuat interpretasi seni untuk mentafsir makna bagi penggunaan adaptasi metafora melalui kajian konteks sosiobudaya adalah mengikut model Rohidi (2011) iaitu model interpretasi makna karya seni visual (Rohidi & Husain, 2021; Ismail & Juslin, 2020; Rohidi, 2011).



Rajah 2. Model Interpretasi Makna Karya Seni Visual.
Sumber oleh: (Rohidi & Husain, 2021; Ismail & Juslin, 2020; Rohidi, 2011)

Merujuk rajah 2 ini menjelaskan bahawa satu kaedah proses dalam membuat interpretasi makna bagi sebuah karya seni visual. Interpretasi adalah satu dimensi menerangkan atau menjelaskan. Karya seni visual merupakan objek kreatif atau subjek kajian utama yang hendak dikaji oleh penyelidik telah diletakkan dibahagian tengah rajah 2. Pemahaman dalam memahami untuk membuat interpretasi seni karya seni visual ini dilingkari tiga elemen iaitu (a) penggunaan simbolik tanda seperti metafora, (b) konteks dan (c) makna. Pemilihan subjek metafora sebagai tanda dalam karya seni visual digunakan oleh pengkarya seni untuk melahirkan emosi dan ekspresi seni yang digunakan sebagai perlambangan serta interaksi bahasa komunikasi bagi penyampaian seni visual yang membawa kefahaman makna karya. Dalam memahami karya seni visual proses identifikasi setiap unsur visual seperti subjek kajian, media, teknik dan unsur seni formalistik aspek adalah berpotensi secara langsung mempengaruhi adaptasi penggunaan tanda atau metafora dalam sebuah karya. Walaubagaimanapun, interpretasi makna disebalik subjek metafora ini memberi impak yang lebih besar terhadap karya seni visual ini adalah dengan kehadiran konteks seni yang diterapkan. Faktor elemen konteks memainkan peranan yang sangat penting bagi membawa subjek metafora yang digunakan memberi makna karya visual dengan lebih jelas dan difahami dengan baik. Dengan itu, hubungan diantara tiga elemen model interpretasi makna karya seni visual ini mempengaruhi antara satu sama lain dan memainkan peranan untuk identifikasi, memahami, menganalisis, menentukan dan menginterpretasi makna karya dengan lebih jelas mengikut anak panah yang dinyatakan di dalam rajah 2 tersebut. Pernyataan mengenai model ini dapat difahami bahawa interpretasi tidak bersifat sendiri dalam menyampaikan makna tetapi mempunyai tiga elemen proses kerja yang mempengaruhinya. Ketiga-tiga elemen interpretasi ini saling berkaitan antara satu sama lain dalam membuat interpretasi makna karya seni visual dengan lebih berkesan. Dimensi interpretasi yang melibatkan masalah konteks menunjukkan makna karya tersebut menjadi lebih jelas dan menyediakan ruang bagi pemahaman penggunaan subjek metafora dalam karya juga sangat membantu untuk memahami makna dari sebuah mesej yang hendak disampaikan dalam interaksi kehidupan manusia. Kehadiran tiga elemen ini tidak boleh dinafikan dan disangkal dalam melakukan interpretasi makna seni karya (Rohidi & Husain, 2021; Ismail & Juslin, 2020; Rohidi, 2011).

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan Jenis Metafora

Davidson (1978) menyatakan subjek visual metafora menjadikan audiens melihat satu perkara sebagai pernyataan komunikasi secara literal yang memberi inspirasi atau mendorong pengkarya dan penghayat

seni menilai karya tersebut dengan mentafsir pengiktirafan beberapa makna atau kebenaran maksud yang dipamerkan. Penjelasan atau kenyataan tentang makna subjek visual metafora itu dapat menerangkan makna atau mesej yang tersembunyi yang ada terhadap pemilihan subjek oleh artis tersebut (Gibbs, 2016).

Penggunaan jenis metafora yang sering digunakan dalam visual karya seni ini dapat dibahagikan kepada beberapa kategori. Antara jenis metafora yang sering digunakan ialah “*a conventional metaphor*”, “*a creative metaphor*”, “*an extended metaphor*”, “*a mixed metaphor*”, “*a dead metaphor*”, “*a conceptual metaphor*”, dan “*a synecdoche metaphor*”. Kesemua jenis metafora ini mempunyai sifatnya yang tersendiri. Terdapat beberapa perbezaan diantara jenis – jenis metafora ini (W. Mohd Apandi, Taharuddin, 2022). Kategori jenis “*a conventional metaphor*” ini bermaksud metafora konvensional dalam penggunaan subjek sebagai perlambangan atau perbandingan yang tidak begitu menonjol dengan tidak memberi kesan yang besar terhadap penyampaian dalam karya visual (Knowles & Moon, 2006). Walaubagaimanapun jenis “*a creative metaphor*”, ini adalah bermaksud penggunaan metafora secara kreatif dengan menggunakan pemilihan subjek perlambangan yang dapat memberi tumpuan terhadapnya dengan boleh berdiri sendiri dan memberi kesan besar terhadap visual karya tanpa bantuan subjek lain untuk menyampaikan makna yang hendak disampaikan oleh pengkarya seni (Knowles & Moon, 2006). Jenis metafora kategori “*an extended metaphor*” iaitu metafora lanjutan ini melambangkan satu watak utama dengan pelbagai andaian dan subjek. Ini bermaksud satu penceritaan itu mempunyai dua kategori makna iaitu watak utama dan watak kecil (Gibbs, 2016).

Merujuk kategori “*a mixed metaphor*” adalah metafora campuran daripada satu lompatan dari pengenalan pertama kepada pengenalan kedua tetapi tidak konsisten dengan pertama. Kategori metafora jenis ini boleh membuat penonton melihat sesuatu karya seni itu menjadi keliru (Gibbs, 2016). Manakala jenis metafora “*a dead metaphor*” ini pula ialah metafora mati iaitu tiada terdapat tindakan penukar imej. Jenis ini hanya menggunakan tindakan fizikal sahaja untuk melambangkan sesuatu tindakan yang hendak disampaikan (Knowles & Moon, 2006). Walaubagaimanapun, “*a conceptual metaphor*”, ini adalah sebuah metafora dimana satu idea atau konsep dominasi (Kovecses, 2020) yang lebih tertumpu terhadap pemikiran, pengetahuan dan tumpuan terhadap perspektif yang difahami dengan sudut pandangan yang lain serta berbeza (Gibbs, 2016). Selain itu, metafora kategori “*a synecdoche metaphor*” ialah sebahagian kecil metafora daripada satu bahagian yang besar dan dipilih untuk menerangkan atau mengandaikan elemen makna penyampaian karya yang terdapat dalam maksud bahagian yang besar. Metafora jenis ini selalunya subjek yang dipilih adalah subjek perlambangan yang mungkin tidak bermakna dan tidak dipedulikan pada orang lain melainkan pengkarya itu sendiri bagi menyampaikan naratif penceritaan. Ini bermaksud sesuatu pemilihan metafora kategori jenis ini mestilah mempunyai ciri - ciri atau sifat persamaan diantara metafora dengan subjek cerita yang hendak dikatakan atau digambarkan dalam karya seni visual.

Kesemua jenis kategori metafora yang diterangkan ini boleh dianggap mengandungi sifat yang terdapat pengkhususan atau huraiyan yang tersendiri mengikut apa yang hendak disampaikan. Antaranya ialah “*an extended metaphor*” ini dikenali sebagai “*allegory*” yang mana metafora kategori ini dimana penceritaan ini bertujuan menerangkan sifat yang penting bagi sesuatu subjek dan makna (Knowles & Moon, 2006). Manakala kategori metafora “*an extended metaphor*” ini juga satu pengkhususan bagi “*parable*” yang mana metafora kategori ini adalah perumpamaan sebagai pengajaran yang berkait rapat dengan moral atau nasihat. Ia boleh menyampaikan maksud yang bersifat positif seperti menasihati orang ramai. Selain itu, pengkhususan metafora kategori “*a mixed metaphor*” dan “*a dead metaphor*” ini jarang digunakan secara rekaan dalam visual kerana takut memberi andaian yang yang salah (Gibbs, 2016).

Metafora Bagi Konteks Sosiobudaya Dalam Seni Kontemporari

Karya seni kontemporari mempunyai kebebasan dalam penyampaian berkarya sama ada isu yang ditonjolkan dalam karya itu bercorak intelektual dengan mempunyai pemikiran dan penggunaan medium yang lebih birokrasi (Stallabrass, 2020; Sugiono, 2021). Disamping itu juga karya seni kontemporari yang dihasilkan oleh Jalaini Abu Hassan ini adalah mencerminkan sifat seni kontemporari. Hal ini dibuktikan dengan pemilihan subjek metafora yang memberi impak besar dan selari dengan penyampaian konteks sosial masyarakat dalam penggunaan medium campuran baharu. Merujuk karya siri pameran “Re-Found Object” ini jelas menunjukkan pengkarya menggunakan

pelbagai media campuran seperti bitumen, arang, warna air dan akrilik diatas kertas atau kanvas dengan pelbagai teknik.

Menurut Davidson (1978) fungsi metafora dalam karya seni oleh pengkarya seni adalah untuk dijadikan sebagai perlambangan yang dapat menyampaikan makna dimaksudkan secara tersirat dengan merangsang minda penghayat seni dan pengkritik seni untuk berfikir, mentafsir dan menilai terhadap visual subjek metafora yang digunakan. Walaubagaimanapun, W. Mohd Apandi & Yan Ibrahim, 2018) menyatakan bahawa pengkarya seni seharus sensitif dan peka terhadap penggunaan subjek metafora dalam penyampaian karya visual supaya pemilihan metafora itu sesuai dengan makna yang hendak disampaikan mengikut konteks seni. Isu - isu sensitiviti sosial, budaya dan masyarakat perlu dijaga bagi menjaga adab dalam berkarya. Walaubagaimanapun, penggunaan metafora ini adalah mengikut kebijaksanaan pengkarya seni itu dalam menyusun strategi sewaktu berkarya dalam memberi kesan impak yang ketara terhadap karya seni kontemporari (W. Mohd Apandi, Taharuddin, & Ramli, 2022). Oleh itu, karya seni visual yang dihasilkan oleh pengkarya seni ini merupakan satu interaksi atau media komunikasi yang dapat menyampaikan pesan dan makna kepada masyarakat mengenai konteks isu atau permasalahan yang diterapkan didalam karya seperti masalah budaya, masyarakat dan kemanusiaan (Ismail, et al., 2023). Ismail, et al. (2023) menyatakan lagi bahawa karya seni ini dibentuk semula mengikut konteks yang ditentukan dalam pemilihan adaptasi subjek tanda seperti penggunaan metafora dan simbol yang sesuai dengan naratif penceritaan. Ismail & Juslin (2020) menjelaskan bahawa konteks sosiobudaya mencerminkan kehidupan masyarakat setempat yang melibatkan implikasi terhadap perubahan masyarakat budaya, cabaran nilai moral, etika dan pengaruh budaya. Disamping itu juga, konteks sosiobudaya ini jelas dengan interaksi antara lingkaran perhubungan individu dan masyarakat yang sentiasa berkomunikasi serta bergerak dalam pengaruh budaya.

Analisis Karya Adaptasi Subjek Visual Metafora Membawa Makna Dalam Konteks Sosiobudaya


Fungsi metafora adalah menghubungkan subjek atau objek visual dengan naratif penceritaan sebagai unsur ilmu bahasa komunikasi dan interaksi antara pengkarya seni, karya visual dan audiens (Rohidi & Husain, 2021). Pernyataan ini ditambah lagi dengan menyatakan metafora dalam karya seni adalah satu ciptaan atau alat untuk menyampaikan serta memberi makna yang melibatkan emosi dan konteks naratif tentang satu realiti peristiwa (Ricoeur, 2002).

Makna karya seni visual merupakan kemunculan daripada komunikasi atau interaksi sosial manusia yang bertindak terhadap sesuatu perkara berdasarkan interpretasi makna yang berlaku pada sekeliling individu, peristiwa atau persekitaran dalam masyarakat (Rohidi & Husain, 2021). Rohidi & Husain (2021) mengatakan lagi bahawa kaitan diantara makna dalam seni ini juga mempunyai hubungan di antara dengan subjek (idea), isi (mesej) dan bentuk yang bersifat luahan ekspresif emosional dan pemikiran intelektual. Dengan itu, dalam membuat interpretasi makna karya setiap elemen memainkan peranan yang penting dan saling mempunyai hubungan diantara tanda dan konteks dalam membuat analisis makna karya visual. Oleh itu kehadiran adaptasi visual subjek metafora dengan konteks isu dalam penghasilan karya tidak dapat dinafikan untuk menyatakan interpretasi makna.

Konteks sosiobudaya dalam masyarakat jelas kelihatan dalam karya Jalaini Abu Hassan ini dalam pameran “*Re-found Object*”. Perkara ini jelas dengan penggunaan subjek metafora yang memberi perlambangan kepada suatu sosiobudaya dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah berasaskan masyarakat berbilang budaya yang terbentuk sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Faktor struktur kedudukan geografi juga merupakan asas kepada pelbagai seni, budaya dan warisan yang unik kepada Malaysia. Pengaruh bumiputra yang diwakili oleh orang Melayu kaya dengan nilai, pertuturan yang indah dalam bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat, adab dan tradisi orang Melayu (Ramli, et al., 2023). Walaubagaimanapun, terdapat pernyataan daripada Yong (2006) menyatakan salah satu cabaran terbesar oleh setiap artis ialah menentukan konteks yang ingin dipamerkan dalam karya bagi audiens memahami subjek dan interpretasi makna yang terdapat dalam hasil karya. Oleh yang demikian, makna sebuah karya itu dapat disampaikan dengan jelas melalui penggunaan unsur – unsur konteks dan penerapan subjek tanda seperti metafora atau simbol tertentu (Ismail & Juslin, 2019).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam siri karya pameran “Re-found Object” oleh Jalaini Abu Hassan adalah merupakan pameran solo yang kedua selepas beliau pulang dari New York (Yong, 2006). Yong (2006) juga menyatakan bahawa pameran ini adalah mengenai naratif penceritaan pengalaman Jalaini Abu Hassan yang melibatkan dirinya sebagai pengkarya yang cuba meletakkan dirinya dan seninya dalam konteks yang dibawa bagi kontemporari Malaysia berbentuk visual sepanjang proses berkarya. Perincian analisis karya seni visual yang terpilih dalam siri pameran ini akan dibincang oleh pengkaji dengan lebih mendalam mengenai adaptasi subjek metafora oleh Jalaini Abu Hassan dari sudut pandangan konteks sosial dan budaya dalam menyampaikan interpretasi makna. Karya Jalaini Abu Hassan yang dihasilkan kelihatan dalam situasi masyarakat sosial tradisi kampung yang penuh dengan adat resam kebudayaan dan cara kehidupan melayu tradisi. Kebanyakan subjek metafora yang digunakan dalam karya beliau adalah memberi gambaran yang selari dengan makna yang dipengaruhi dan dibawa dengan konteks sosiobudaya dengan jelas. Ismail & Jusilin (2019) dan Sutardi (2007) menjelaskan bahawa konteks sosiobudaya bermaksud pengaruh yang berlaku pada unsur – unsur sosial dan budaya dalam kehidupan masyarakat sosial. Unsur sosial yang dimaksudkan adalah melibatkan setiap individu dalam masyarakat yang mempengaruhi antara satu sama lain dalam sistem sosial, nilai sosial, sikap sosial, norma kehidupan sosial, peringkat sosial, taraf sosial, hubungan sosial, struktur sosial, proses sosial dan perhubungan lapisan sosial. Walaubagaimanapun, unsur budaya pula adalah merangkumi bahasa, sistem pengetahuan, sistem kemasyarakatan, teknologi, tradisi, peradaban, adat, kepercayaan, sikap, nilai, sistem hidup, budaya kehidupan, permainan, agama dan kesenian.



Rajah 3. Rambutan Tok Deris, 2000, Media campuran atas kertas, 152.5 cm x 120 cm.


Sumber oleh: JALAK Jalaini Abu Hassan (Yong, Ooi, Abu Hassan, & Bresson, 2006)

Rajah 3 merupakan karya bertajuk Rambutan Tok Deris yang dihasilkan pada tahun 2000 dengan menggunakan media campuran atas kertas bersaiz 152.5cm x 120cm. Antara adaptasi subjek metafora yang jelas dilihat dalam karya ini masih lagi dekat dengan konteks sosiobudaya tradisi orang Melayu mengikut pemerhatian dan mengimbau pengalaman kehidupan persekitaran yang mempengaruhi pengkarya menggunakan subjek tradisi yang terpilih dalam penghasilan karya (Yong, 2006). Perkara ini dapat dilihat dengan jelas subjek metafora yang dihasilkan oleh Jalaini Abu Hassan dalam karya ini adalah subjek bubu perangkap ikan, tembikar tanah, buah pisang, baldi, cawan, buah rambutan, corak acuan kuih, motif batik buah mangga dan anjung atau serambi rumah kayu orang Melayu. Semua subjek yang disenaraikan adalah dekat dengan kehidupan sosial masyarakat orang Melayu tradisional. Hal ini kerana penggunaan subjek ini memberi makna yang tersendiri iaitu kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang masih mengekalkan norma cara hidup sosial dalam memahami nilai peradaban, nilai adat, nilai kehidupan untuk menjaga perhubungan silaturahim dan perhubungan di antara lingkungan masyarakat kampung.

Selain unsur visual metafora digunakan, Jalaini Abu Hassan juga menggunakan unsur teks sebagai perlambangan. Jika diamati daripada ayat perkataan yang ditulis oleh pengkarya iaitu “*Rambutan Tok Deris on the veranda*” jelas menyatakan apa yang hendak disampaikan oleh pengkarya ini adalah pengalaman beliau yang hidup dalam keadaan tenang dan mempunyai ikatan perhubungan masyarakat melayu yang akrab. Dari segi kaitan antara subjek metafora dan petikan teks yang ditulis

ini dalam konteks sosiobudaya adalah membawa interpretasi makna yang lebih jelas mengenai naratif pengalaman hidup pengkarya terhadap perhubungan institusi kekeluargaan. Keakraban di antara keluarga terdekat dan masyarakat kampung yang masih jelas mengekalkan adat, nilai peradaban kehidupan tradisi orang Melayu. Hubungan melalui petikan teks yang ditulis atas karya tersebut dengan penggunaan visual subjek anjung rumah atau dikenali sebagai serambi juga membawa konteks budaya orang Melayu. Interpretasi makna yang dapat dilihat adalah serambi rumah ini merupakan bahagian rumah orang Melayu yang sangat penting dalam masyarakat orang Melayu pada masa itu. Hal ini kerana masyarakat mementingkan perhubungan ikatan keluarga antara masyarakat yang menjadikan tempat berkumpul atau perjumpaan secara beramai - ramai di serambi rumah bagi membincangkan sesuatu seperti perbincangan, melakukan majlis keraian, membincangkan masalah kampung, mesyuarat, upacara keagamaan, sesi perjumpaan, aktiviti riadah dan lain - lain lagi. Oleh itu tempat bahagian rumah seperti di anjung ini diangkat oleh Jalaini Abu Hassan bagi menjelaskan makna suatu perhubungan silaturahim kekeluargaan dalam konteks sosiobudaya. Penggunaan anjung rumah ini menjadi perlambangan suatu budaya orang Melayu untuk menyambut tetamu sebagai tempat berkumpul atau melakukan aktiviti. Fungsi ruang anjung rumah ini begitu bermakna dalam kehidupan orang Melayu dalam melaksanakan kehidupan seharian bersama keluarga atau masyarakat. Selalunya bagi menghargai kedatangan tetamu ke rumah, tuan rumah akan menyediakan pelbagai hidangan samaada makanan dan minuman. Oleh itu, jelas kelihatan penggunaan subjek pisang, rambutan, corak kuih melayu, cawan sebagai perlambangan atau metafora tanda meraikan kedatangan tetamu yang hadir. Dalam adat tradisi orang Melayu tuan rumah akan menjamu makanan dan melayan tetamu, supaya mereka merasakan kehadirannya dihargai. Nilai sikap orang Melayu ini yang menyanjungi kehadiran tetamu sangat dipandang tinggi dalam sistem budaya kehidupan yang diajari oleh agama Islam dan adat orang Melayu. Oleh itu, jelas menunjukkan nilai, ilmu, adat, adab, agama dan tradisi yang ditunjukkan ini sentiasa dipraktikkan dalam kehidupan keluarga dan masyarakat Melayu.

Disamping itu juga, subjek metafora bubi perangkap ikan dalam konteks sosiobudaya ini membawa maksud perlambangan budaya masyarakat melayu yang hidup bersama alam semulajadi dengan mencari sumber rezeki sebagai mata pencarian untuk ekonomi keluarga. Walaubagaimanapun, dari pandangan sudut lain subjek bubi ikan ini juga dapat memberi perlambangan makna perhubungan diantara keluarga yang menjadikan budaya ini sebagai aktiviti kelangsungan hidup yang menjadikan kesinambungan kegiatan menangkap ikan ini sebagai hobi untuk beriadah antara keluarga dan rakan - rakan kampung. Disamping itu juga, pengkaji mendapati konteks sosial yang dibawa dalam masyarakat orang melayu tradisi ini adalah cara nilai kehidupan masyarakat yang menjaga perhubungan silaturahim antara keluarga dan masyarakat. Hal ini juga dapat dilihat masyarakat orang melayu yang hidup dalam konsep kesederhanaan dan menyanjungi alam semulajadi dalam kehidupan seharian. Sistem kekeluargaan dalam sistem perhubungan sosial kemasyarakatan jelas kelihatan apabila pengkarya mempamerkan aktiviti adat budaya orang kampung Melayu dalam kehidupan seharian dalam karya seni. Berdasarkan penjelasan interpretasi makna bagi adaptasi metafora dalam konteks sosiobudaya ini dapat dirumuskan jelas menunjukkan bahawa tanda subjek metafora yang digunakan dalam karya ini adalah lebih dekat membawa makna satu perhubungan norma kehidupan sosial dalam memahami peradaban, nilai budaya, adat resam, sikap dan sistem hidup kekeluargaan serta kemasyarakatan. Perhubungan sosial ini melibatkan interaksi komunikasi yang erat, bersatu-padu dalam menjaga silaturahim bersama ahli keluarga dan masyarakat dengan menyantuni tinggi nilai, adab, adat, ilmu, agama dan tradisi budaya orang Melayu dalam norma kehidupan sosial masyarakat.



Rajah 4. Gurindam Jiwa (Indian Summer), 2000, Media campuran atas kanvas, 122 cm x 122 cm.

Sumber oleh: JALAK Jalaini Abu Hassan (Yong, Ooi, Abu Hassan, & Bresson, 2006)


Rajah 4 merupakan karya bertajuk Gurindam Jiwa (Indian Summer) yang dihasilkan pada tahun 2000 dengan menggunakan media campuran atas kanvas yang bersaiz 122cm x 122cm. Apabila melihat subjek dan teks yang digunakan sebagai perlambangan metafora dalam karya ini pengkaji tertarik dengan kaitan beberapa teks yang digunakan bersama visual objek dalam konteks sosiobudaya untuk menyampaikan sesuatu makna oleh Jalaini Abu Hassan. Penggunaan subjek yang jelas dilihat dalam karya ini adalah beberapa subjek disusun secara berlapis yang dipanggil “*ambiguous*” iaitu tembikar, cawan, pasu, mangkuk dan pinggan. Antara subjek lain adalah bubu, pisang, kotak, mangkuk, tembikar, cawan, motif india hena bercorak buah mangga. Penggunaan peribahasa Melayu jelas kelihatan dalam karya iaitu “serkap jarang” dan tulisan teks “gurindam jiwa” dan “*Indian Summer*”.

Melalui pemerhatian pengkaji mendapati susunan reka letak penggunaan subjek ini adalah gabungan dari dua tradisi iaitu tradisi Melayu dan tradisi India yang digunakan dalam karya ini. Gabungan objek dari dua tradisi ini disertakan dengan beberapa teks yang membawa beberapa maksud dalam konteks sosiobudaya. Antaranya ialah merujuk kepada susunan subjek tradisi Melayu dan India serta tulisan teks ini membawa makna nilai sikap kepercayaan serta menghormati bagi menjaga suatu perhubungan kekeluargaan dan persahabatan dalam komuniti kemasyarakatan yang melibatkan perbezaan tradisi budaya. Perkara ini jelas dengan penggunaan perkataan “gurindam jiwa” yang begitu sinonim dengan institusi kekeluargaan suami isteri. Perkataan “gurindam jiwa” ini adalah sinonim dengan lagu klasik Melayu lama dalam filem tradisi Melayu yang dibintangi oleh seniwti Latifah Omar dan seniman Noordin Ahmad. Mengikut tajuk judul lagu puisi Gurindam Jiwa ini, petikan lagunya membawa maksud perbincangan antara suami dan isteri dalam bentuk lagu untuk meluahkan perasaan cinta dengan rindu. Maksud kandungan lagu ini masih relevan untuk diguna pakai oleh setiap pasangan bercinta atau suami isteri bagi menyampaikan ekspresi kerinduan. Dalam masa yang sama pengkarya juga menyampaikan ekspresi emosi kerinduan terhadap perhubungan sosial kemasyarakatan antara sahabat rapatnya dikampung. Mengikut subjek motif hena buah mangga dan teh tarik bersama teks “*Indian Summer*” yang digunakan adalah begitu dekat dengan kehidupan tradisi India. “*Indian Summer*” membawa maksud musim panas di India ialah tempoh cuaca panas dan kering yang berlaku musim luruh. Oleh itu, dalam karya ini jelas menunjukkan gabungan dua budaya melayu dan india dalam aspek perhubungan kekeluargaan suami isteri dan kemasyarakatan India yang tidak mengira lapisan kaum. Pemilihan subjek metafora yang berunsurkan tradisi India dan tradisi Melayu ini jelas membuktikan pengkarya menghormati perhubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan bersama. Perhubungan persahabatan, kemasyarakatan dan kekeluargaan yang ditonjolkan dalam karya ini dapat dilihat dengan perasaan kerinduan pengkarya dalam melakukan aktiviti harian bersama seperti aktiviti menangkap ikan, sesi riadah, berinteraksi, sesi perbualan serta makan minum yang digunakan dalam subjek metafora sebagai perlambangan.

Walaubagaimanapun, pengkarya juga ada menggunakan peribahasa melayu iaitu “serkap jarang” yang membawa maksud tuduhan melulu atau menuduh sembarangan. Mengikut pandangan pengkaji peribahasa ini digunakan sebagai nasihat kepada setiap hubungan kekeluargaan dan persahabatan kemasyarakatan, yang mana tidak menggunakan peribahasa ini dalam kehidupan seharian dalam menjaga suatu ikatan perhubungan, kepercayaan dan persahabatan. Penggunaan peribahasa melayu ini jelas menunjukkan pengkarya peka terhadap penggunaan konteks sosiobudaya Melayu

dalam menyampaikan hasrat dan nasihat bersama supaya dalam menjaga perhubungan tidak membuat tuduhan melulu tanpa usul periksa. Pernyataan ini jelas lagi dengan pernyataan (Yong, 2006) dengan mengatakan kita sebagai manusia hidup bermasyarakat yang dibina atas landasan yang berubah - ubah di dalam negara dengan akar budaya terdiri pelbagai kaum yang beraneka ragam. Pengalaman yang terbaik yang dialami oleh pengkarya terhadap perhubungan kemasyarakatan dan kekeluargaan antara kaum ini juga dapat memberi kesedaran kepada dirinya untuk menghormati semua budaya dan kaum dalam erti persahabatan dan kekeluargaan.


Berdasarkan penjelasan diatas, dapat dirumuskan bahawa penggunaan subjek metafora dalam karya ini memberi makna tentang nilai kepercayaan dan menghormati suatu perhubungan komuniti kekeluargaan dan kemasyarakatan tanpa mengira kaum yang perlu dijaga dengan baik. Sikap atau nilai menghormati dalam hubungan kekeluargaan dan persahabatan dalam masyarakat adalah penting bagi mengelak suatu perkara perselisihan faham serta menyayangi antara keluarga atau masyarakat walaupun terdiri daripada pelbagai kaum.



Rajah 5. Congkak Lubang Tujuh, 1997, Media campuran atas kertas, 112 cm x 66 cm.
Sumber oleh: JALAK Jalaini Abu Hassan (Yong, Ooi, Abu Hassan, & Bresson, 2006)

Rajah 5 diatas adalah karya media campuran atas kertas yang bertajuk Congkak Lubang Tujuh yang dihasilkan pada tahun 1997 bersaiz 112cm x 66cm. Karya ini dihasilkan berdasarkan pengalaman peribadi Jalaini Abu Hassan yang mengimbau kenangan semasa zaman kanak – kanak yang dibesarkan dalam budaya tradisi tempatan Melayu (Yong, 2006). Pernyataan ini dapat dilihat dengan jelas bahawa penggunaan objek utama iaitu alat permainan congkak sebagai subjek metafora perlambangan dalam konteks sosiobudaya ini membawa makna iaitu dapat mewujudkan tindak balas perhubungan suatu suasana interaksi dan komunikasi dua hala atau lebih dari ahli keluarga dan masyarakat.

Perhubungan interaksi yang berlaku semasa zaman kanak - kanak ini merupakan aktiviti sosial yang sihat dalam mewujudkan suasana kehidupan yang meriah dengan komunikasi secara verbal. Jika hendak dibandingkan dengan zaman teknologi kini kanak - kanak lebih terdedah dengan permainan moden yang tidak menggunakan komunikasi dan hanya fokus terhadap hidup dunia bersendirian. Apabila hendak dibandingkan zaman kanak- kanak pengkarya dahulu adalah lebih menyentuh soal perhubungan sosial kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam aktiviti kemerahan sehari-hari mereka. Melalui pergaulan, perhubungan dan komunikasi di zaman kanak - kanak ini dapat memudahkan pengkarya mengenal erti persahabatan dan kekeluargaan. Secara automatik dalam konteks sosiobudaya ini perhubungan komunikasi ini dapat mewujudkan satu ikatan mesra dalam pergaulan. Disamping itu juga, dapat melatih anak - anak berkawan dan bercampur di setiap peringkat lapisan masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam suasana kampung yang menunjukkan penggunaan subjek pokok liar dan bunga teratai sebagai metafora alam persekitaran kampung yang penuh dengan aktiviti sosial dan tidak membosankan pengkarya. Sejarah kehidupan yang diterapkan dalam karya ini adalah naratif kehidupannya yang menunjukkan cara keluarga orang Melayu melakukan aktiviti riadah serta bersosial melakukan aktiviti kekeluargaan bersama. Budaya komunikasi ini sangat penting dalam perhubungan satu kekeluargaan kerana melalui interaksi dapat mewujudkan suasana dan silaturahim bersama keluarga menjadi semakin akrab. Hal ini jelas dengan penggunaan permainan congkak sebagai subjek perlambangan makna tindak balas hubungan individu dalam perhubungan dan komunikasi dengan sistem kekeluargaan serta lapisan kemasyarakatan sebagai satu tradisi pergaulan aktiviti sosial dalam masyarakat Melayu.



Rajah 6. Dulang Mangkuk Kayu Lantai Merah, 1999, Media campuran atas kertas, 130 cm x 105 cm.

Sumber oleh: JALAK Jalaini Abu Hassan (Yong, Ooi, Abu Hassan, & Bresson, 2006)

Rajah 6 merupakan karya Dulang Mangkuk Kayu Lantai Merah yang merupakan hasil visual yang dihasilkan dengan menggunakan media campuran atas kertas pada tahun 1999 bersaiz 130cm x 105cm. Melalui karya ini jelas terdapat visual yang digunakan oleh Jalaini Abu Hassan seperti mangkuk kayu, sarang burung tempua, bubu, permainan kuda, cerek, dan nukilan teks puisi, nama anak pengkarya “Jabil”, lantai merah di dalam rumah sebagai metafora sesuatu peristiwa pengalaman yang berlaku dalam kehidupan zaman kanak - kanak.

Secara keseluruhannya gabungan penggunaan subjek metafora yang digunakan oleh pengkarya masih menggunakan objek yang sinonim dengan tradisi orang Melayu. Apa yang jelas disini ialah segala subjek metafora yang digunakan ini diletakkan didalam rumah kampung yang jelas membawa makna pengkarya masih menyentuh konteks sosiobudaya bagi hubungan dalam masyarakat keluarga dan kemasyarakatan kampung tradisi Melayu. Pengkaji berpendapat apa yang ingin disampaikan menerusi penggunaan subjek metafora dalam konteks sosiobudaya ini ialah pengkarya menyedari melalui pengalaman hidupnya berlaku perbezaan pembesaran zaman kanak - kanak bagi pengkarya yang mempunyai jurang berlainan dengan cara pembesaran anaknya “Jabil” yang hidup era zaman teknologi baru. Nostalgia pengalaman zaman kanak – kanak pengkarya adalah lebih dekat dengan alam dan permainan secara fizikal dalam keluarga. Implikasi terhadap perubahan masyarakat dan budaya Jalaini Abu Hassan dengan anaknya mempunyai jurang perbezaan dari segi interaksi dalam aktiviti sosial. Pengalaman pengkarya ini juga dikongsi bersama anaknya kerana ini jelas kelihatan nama anaknya “Jabil” dipermukaan antara permainan kuda kanak - kanak dan lantai dalam bentuk “ambiguous”. Dalam masa yang sama pengkarya masih mengajar anaknya erti nilai tradisi kekeluargaan terhadap anaknya dengan memahami adat resam dan nilai kehidupan dalam menjaga perhubungan keluarga. Hal ini jelas menunjukkan pengkarya mendidik anaknya kembali mengenali asal usul keluarga. Subjek sarang burung tempua yang terdapat dalam karya jelas menunjukkan pengkarya rindu dengan kedamaian alam semulajadi yang ada di kawasan perkampungannya. Merujuk nukilan tulisan tangan ini merupakan coretan teks puisi yang lebih menyampaikan hasrat hati terhadap kerinduannya di kampung.

Berdasarkan karya ini, jelas menunjukkan subjek metafora dengan sentuhan konteks sosiobudaya sebagai perantaraan interaksi visual telah memberi makna dengan jelas bahawa refleksi pengaruh budaya tradisi dan baru bagi nilai kehidupan yang melibatkan kepercayaan, pegangan, perlakuan serta cabaran yang mencerminkan tindak balas perhubungan individu dalam keluarga. Sejarah pengalaman yang dialaminya mempunyai pengaruh sosial dalam lingkungan global suatu sosial masyarakat budaya tradisi dan budaya teknologi baru yang mempengaruhi suatu peristiwa atau sejarah kehidupan manusia. Justeru itu juga, konteks sosiobudaya ini jelas memberi makna dengan interaksi antara lingkaran mempengaruhi perhubungan atau pertalian yang mana individu dan masyarakat sentiasa berkomunikasi dan bergerak dalam pengaruh budaya yang meliputi pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Nostalgia menerusi pengalaman juga mempengaruhi individu, keluarga atau sesuatu masyarakat sosiobudaya tersebut dalam perkembangan era tamadun manusia yang mempunyai cabaran diantara tradisi dan zaman teknologi zaman kontemporerai kini.

IMPLIKASI KAJIAN

Penglibatan Jalaini Abu Hassan dalam seni kontemporari Malaysia dapat dilihat dengan jelas dan tepat melalui hubungan penggunaan subjek metafora dan konteks sosiobudaya dalam karya visual untuk menyampaikan makna. Pemilihan subjek metafora dapat mencerminkan pemahaman yang positif dari segi makna simbolik yang cuba disampaikan. Dengan meneliti kajian metafora ini penyelidik dapat menghayati dalam membuat analisis dan interpretasi makna dengan jelas berdasarkan kajian konteks seni. Disamping itu juga, penyelidik dapat mentafsir makna visual metafora dengan lebih baik berpandukan kaedah model yang disarankan dalam interpretasi makna karya seni visual. Jalaini Abu Hassan telah memilih subjek metafora dengan bijak dan pemilihan ini berupaya dapat memberi impak besar terhadap konteks sosiobudaya dalam menyampaikan makna naratif kronologi penceritaan karya visual seni kontemporari.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulannya, Jalaini Abu Hassan merupakan seorang pengkarya seni yang kreatif dalam mengatur kerja dari segi pemilihan adaptasi subjek metafora dalam konteks seni untuk mewujudkan kesan yang ketara dari segi interpretasi pemahaman makna karya visual. Pemikiran ideologi beliau selaras dengan konteks sosiobudaya yang dibawa dalam mewujudkan makna disebalik penggunaan subjek metafora. Interpretasi makna melalui adaptasi subjek metafora yang digunakan oleh Jalaini Abu Hassan ini selaras dengan kehendak penghasilan karya dalam era seni kontemporari dengan memilih, menyusun, dan menggabungkan subjek metafora yang sesuai bagi konteks sosiobudaya tersebut untuk menyampaikan makna naratif penceritaan melalui karya yang dihasilkan. Walaubagaimanapun, dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini, pengkaji menyedari terdapat cadangan bagi ruang kajian dalam mengkaji subjek metafora yang boleh digunakan pada karya seni yang berbeza. Kajian interpretasi makna berdasarkan subjek metafora boleh menyentuh konteks lain seperti konteks politik, konteks sejarah, konteks teknologi, konteks ekonomi dan lain-lain lagi. Kajian baru yang melibatkan pemahaman metafora dalam konteks lain boleh membawa interpretasi makna dari sudut berbeza oleh pengkaji. Oleh itu, kajian baru dapat dibuat oleh pengkaji seni akan datang terhadap karya seni kontemporari dalam bidang berlainan seperti seni catan, seni arca, seni cetak, seni instalasi dan lain-lain lagi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Program Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia, Pejabat Komuniti Industri, Rangkaian Penyelidikan & Alumni Universiti Teknologi MARA, industri galeri dan seniman visual di Malaysia atas bantuan yang diberikan dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2023). *Seni lukis di Malaysia sejak tahun 1990-an situasi pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Aziz, M., & Bujang, R. (2016). Kritikan seni: Suatu tinjauan terhadap karya Mohamed Hossein Enas & Syed Ahmad Jamal sebagai seni warisan bangsa dan budaya Melayu. *Jurnal Perintis Pendekatan Seni Lukis dan Seni Reka INTI FSSR*, 21(1), 23-38.
- Abdullah, S. (2013). Artis - artis Melayu dan situasi pascamoden : Pendekatan - pendekatan bertema semenjak 1990-an. In N. Khairuddin, *Naratif seni rupa Malaysia : Reaksi - strategi kritis Baru*. Kuala Lumpur: Rogue Art Malaysia.
- Abdul Hamid, H. (1995). *Pengantar estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barret, T. (2017). *Why is that Art?: Aesthetics and criticism of contemporary art (3rd Edition)*. United Kingdom: Oxford University Press.

- Creswell, J., & Poth, C. (2018). *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches*. United States of America: SAGE Publications.
- Creswell, J., & Poth, C. (2018). *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches fourth edition*. United Kingdom: SAGE Publication.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2021). *Kamus dewan edisi keempat (Cetakan ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Davidson, D. (1978). *What metaphors mean*. Oxford: The University of Chicago Press.
- Esanu, O. (2012). What was contemporary art? *ARTMargins*, 1(1), 5-28.
- Gibbs, R. (2016). *Mixing metaphor: Metaphor in language, cognition & communication*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Ismail, I., & Jusilin, H. (2020). Seni visual dalam konteks gejala sosial di Malaysia: Interpretasi simbolik pada karya catan Fawwaz Sukri. *Gendang Alam*, 10, 160-174.
- Ismail, I., & Jusilin, H. (Disember, 2019). Karya seni visual kolektif pangkok sulap dalam konteks perubahan sosial-budaya di Sabah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 5(1), 1-19.
- Ismail, I., Ramli, I., Abdul Rahim, M., Azni, E., Abdul Hadi, H., & Shaarani, H. (April, 2023). The human soul as a symbolic message in contemporary arts in Malaysia: A study of Daud Rahim's artwork. *Journal of Urban Society's Arts*, 10(1), 1-10.
- Knowles, M., & Moon, R. (2006). *Introducing metaphor*. New York: Routledger.
- Kovecses, Z. (2020). *Extended conceptual metaphor theory*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Liliweri, A. (2021). *Makna seni dan kesenian: seri pengantar studi kebudayaan*. Indonesia: Nusamedia.
- Mohamed Berawi, F. (2022). *Metodologi penyelidikan : Panduan menulis tesis*. Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia.
- Omar, A., & Sedon, M. F. (2019). Pentafsir semula selfie dalam seni arca kontemporeri. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*.
- Patton, M. (2015). *Qualitative research & evaluation methods*. United States of America: SAGE Publications.
- Rohidi, T.R., & Husain, A. (2021). *Metodologi penelitian seni*. Gunung Pati Semarang, Jawa Tengah: Penerbit Cipta Prima Nusantara.
- Rohidi, T.R. (2011). *Metodologi penelitian seni*. Semarang: Penerbit Cipta Prima.
- Ricoeur, P. (2002). *The interpretation theory, Filsafat wacana membelah makna dalam anatomi bahasa*. Yogyakarta: IRCiSOD.
- Ramli, I., Mokhtar, M., Masrek, M. N., Mohd Zain, D. H., Osman, M. R., Ab. Gani, M. A., Mohd Rafee, M. R., Abdul Rahim, M. D., & Mohd Zamari, Z. (21 Julai, 2023). An intrinsic case study of two-dimensional visual art appearance in Malaysia: A checklist for Islamic shariah view-point. *SAGE Journals*, 13(3).
- Sugiono, W. (2021). *Transformasi material kertas dalam penciptaan karyaa seni lukis*. Yogyakarta: Institusi Seni Indonesia.
- Stallabrass, J. (2020). *Contemporary art: A very short introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Siska, N. (2020). *Apakah seni itu?* (T. Arco, Ed.) Yogyakarta: Basabasi.
- Shakespeare, W. (2000). *As you like it*. New York: Penguin Book.
- Sutardi, T. (2007). *Antropologi mengungkap keragaman budaya*. Bandung: Penerbit PT. Setia Puma Inves.
- Tolstoy, L. (1996). *What is arts?* London: Hackett Publishing.
- W. Mohd Apandi, W., & Yan Ibrahim, A. (2018). Metafora dalam seni kontemporeri. *Ideology*, 3(2), 165-170.
- W. Mohd Apandi, W., Taharuddin, N., & Ramli, I. (2022). Relativity of metaphorical subject with symbolic meanings in the production of visual arts. *Kupas Seni*, 10(Special Issue), 130-136.
- Yong, B. (2006). JALAK Jalaini Abu Hassan. In B. Yong, A. Ooi, J. Abu Hassan, & B. Bresson, *JALAK Jalaini Abu Hassan*. Malaysia: Valentine Willie Fine Art & Jalaini Abu Hassan.
- Yong, B., Ooi, A., Abu Hassan, J., & Bresson, B. (2006). *JALAK Jalaini Abu Hassan*. Kuala Lumpur: Valentine Willie Fine Art & Jalaini Abu Hassan.